

**KONSEP TAUHID SEBAGAI SISTEM KURATORIAL MUZIUM ISLAM:
ANALISIS LITERATUR**
**[THE CONCEPT OF TAWHID AS A CURATORIAL SYSTEM IN ISLAMIC
MUSEOLOGY: A LITERATURE ANALYSIS]**

Ahmad Farid Abd Jalal¹, Siti Maimunah Hj Kahal², Syamsul Azizul Marinsah³,
Rahimin Affandi Abdul Rahim⁴

¹Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, farid.museumpahang@gmail.com

²Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, mykahal89@yahoo.com

³Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, syamsulazizul@ums.edu.my

⁴Universiti Malaya, Kuala Lumpur, faqir_ila_rabbih@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.51200/kitab.v2i2.6899>

Abstrak

Artikel ini membincangkan konsep tauhid sebagai asas kepada pembangunan sistem kuratorial muzium Islam. Pendekatan ini mencadangkan bahawa prinsip tauhid bukan hanya aspek akidah, tetapi juga berfungsi sebagai kerangka epistemologi dan etika dalam penyelidikan, pengurusan objek, pembinaan naratif dan pameran muzium. Dengan meneliti kelemahan pendekatan kuratorial Barat yang berasaskan falsafah Cartesian dan positivisme, artikel ini menyusun model kuratorial Islam yang berpaksikan nilai rububiyyah, ubudiyyah, amanah dan adab. Perbincangan ini disokong oleh sumber al-Qur'an, Sunnah dan pandangan sarjana Islam klasik serta kontemporari. Model ini diharapkan mampu menjadi asas kepada sistem pemuziuman Islam yang adil, beradab dan berorientasikan akhirat.

Kata Kunci: Kuratorial Islam, Epistemologi Islam, Maqasid Syariah, Amanah Ilmu, Adab

Abstract

This article examines the concept of tawḥīd (Divine Unity) as the foundational principle for developing an Islamic museum curatorial system. It argues that tawḥīd is not merely a theological tenet but an epistemological and ethical framework that should guide the selection of objects, research, narrative construction, and exhibition design. Critiquing the limitations of Western curatorial paradigms rooted in Cartesian dualism and positivism, this article presents an alternative model based on the values of rubūbiyyah (Divine Lordship), ubūdiyyah (servanthood), amānah (trust), and adab (etiquette). Drawing from the Qur'an, Sunnah, and scholarly thought, it proposes a curatorial methodology that is just, spiritually aware, and oriented towards the maqāsid of Islamic heritage.

Keywords: Islamic Curatorship, Islamic Epistemology, Maqasid al-Shariah, Trust of Knowledge, Adab

1. PENGENALAN

Perkembangan institusi muzium moden banyak dibentuk oleh kerangka epistemologi Barat yang berasaskan falsafah sekular, humanistik, dan saintifik-empiris. Dalam konteks ini, muzium berfungsi sebagai tapak pengumpulan, penyimpanan, dan pameran objek kebudayaan dan sejarah, namun terpisah daripada sistem nilai agama dan metafizik (Bennett, 1995; Hooper-Greenhill, 2000). Akibatnya, pelbagai naratif dan bentuk pameran dalam muzium sering kali bersifat neutral secara agama, bersifat sekularisasi sejarah, atau dipengaruhi oleh ideologi kolonial dan orientalis (Said, 1978; Troelenberg & Savoy, 2021).

Sebaliknya, dalam tradisi Islam, segala bentuk pengurusan ilmu, warisan, dan sejarah harus berpaksikan prinsip *tawhid*, yakni mengesakan Allah SWT dalam segala aspek kehidupan. Konsep tauhid bukan sahaja merupakan asas akidah Islam, bahkan berfungsi sebagai dasar epistemologi, etika, dan kerangka kehidupan yang mengatur hubungan manusia dengan ilmu, sejarah, dan warisan.

Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Tuhan Yang Maha Esa; tidak ada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang. (Surah al-Baqarah, 2:163)

Tauhid dalam konteks ini memberi makna bahawa tiada satu pun bentuk kewujudan atau makna yang boleh difahami secara benar kecuali dalam hubungan dengan Allah sebagai Pencipta, Pemilik, dan Pemelihara segala sesuatu (Nasr, 1993; Murata & Chittick, 1994). Justeru, semua institusi ilmu termasuk muzium seharusnya tunduk kepada prinsip ini.

Dalam sejarah Islam, pendekatan terhadap ilmu dan warisan sentiasa diikat dengan kesedaran bahawa semua ilmu adalah milik Allah, dan manusia hanyalah pemegang amanah (*khalifah*) terhadapnya (al-Qur'an, 2:30; 33:72). Oleh itu, pemeliharaan manuskrip, al-Qur'an, artifak sejarah, dan hasil tamadun bukan semata-mata demi estetika atau nilai komersial, tetapi sebagai amanah ilmu yang perlu diurus secara adil, beradab dan berorientasikan akhirat.

Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah kepada langit dan bumi serta gunung-ganang, maka semuanya enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya. Lalu dipikul amanah itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu banyak melakukan kezaliman dan sangat jahil. (Surah al-Ahzab, 33:72)

Oleh itu, pembentukan sistem kuratorial dalam konteks muzium Islam bukanlah sekadar usaha teknikal atau pentadbiran, tetapi adalah usaha mengembalikan fungsi pengurusan warisan kepada nilai-nilai tauhid, amanah, adab, dan maqasid. Ini termasuklah bagaimana objek dipilih, bagaimana naratif dibina, dan bagaimana pameran dilaksanakan semuanya mesti tunduk kepada prinsip *rubūbiyyah* (ketuhanan), *ubūdiyyah* (kehambaaan), dan *'adl* (keadilan).

2. TAUHID DAN PENOLAKAN DUALISME SEKULAR: KRITIKAN TERHADAP FALSAFAH CARTESIAN DAN POSITIVISME DALAM KURATORIAL BARAT

A. Falsafah Cartesian: Dualisme Akal-Jasad dan Asingnya Ilmu daripada Wahyu

Falsafah Cartesian diasaskan oleh René Descartes (1596–1650), seorang ahli falsafah Perancis yang dianggap sebagai *Bapa Falsafah Moden*. Konsep utamanya ialah *dualism* iaitu pemisahan antara *res cogitans* (fikiran/roh) dan *res extensa* (benda/tubuh). Dalam kerangka Cartesian, hanya perkara yang boleh difikir dan dibuktikan secara rasional wujud secara sah. Segala perkara metafizik atau wahyu dianggap sebagai *subjective experience*, bukan sebagai asas pengetahuan yang sah (Descartes, 1996).

Falsafah ini memberi Kesan kepada kuratorial Barat dengan cara;

1. Meletakkan objek muzium sebagai entiti bebas daripada nilai spiritual.
2. Mengasingkan dimensi roh/agama dalam penyusunan dan interpretasi pameran.
3. Menyebabkan sejarah Islam atau kepercayaan bukan-Barat dilihat sebagai *budaya* bukan sebagai *ilmu*.

Contoh: Pameran seni Islam di banyak muzium Eropah sering menampilkan kaligrafi atau manuskrip al-Qur'an sebagai *Objek Estetik* semata-mata, tanpa menjelaskan kedudukannya sebagai wahyu suci atau teks tanzil (Lange, 2021).

B. Falsafah Positivisme: Ilmu Hanya Sah Jika Terbukti Secara Empirik

Positivisme, sebagaimana diasaskan oleh Auguste Comte (1798–1857) adalah fahaman yang menyatakan bahawa ilmu yang sah hanyalah ilmu yang dapat dibuktikan melalui deria dan eksperimen empirikal. Nilai-nilai metafizik, teologi, atau wahyu dianggap tidak saintifik dan tidak membawa nilai dalam pencarian ilmu (Comte, 1975).

Dalam metodologi kuratorial moden yang berasaskan positivisme, sejarah dan budaya ditafsirkan berdasarkan bukti material semata-mata (artifak, tulang, kertas, lokasi), bukan berdasarkan naratif sakral atau nilai dalaman tradisi.

Kesannya dalam kuratorial Barat terserlah dalam beberapa bentuk;

1. Menolak naratif suci atau agama sebagai sumber sah dalam interpretasi sejarah.
2. Penilaian objek dilakukan melalui kategori kronologi, bentuk, dan fungsi – bukan semantik agama.
3. Menyingkirkan adab dan maqasid daripada proses penilaian dan pameran.

Contohnya dalam banyak pameran arkeologi, makam ulama atau wali di dunia Islam hanya dinilai dari segi struktur batu dan usia, tanpa mengambil kira dimensi spiritual, adab ziarah, atau maqam dalam masyarakat Islam (Griffiths, 2020).

Jadual 1 Perbandingan Epistemologi Kuratorial Barat VS Islam

ASPEK PERBANDINGAN	EPISTEMOLOGI KURATORIAL BARAT	EPISTEMOLOGI KURATORIAL ISLAM
Asas Falsafah	Cartesian (Dualisme roh-jasad) dan Positivisme	Tauhid dan Wahyu sebagai sumber ilmu utama
Sumber Ilmu	Empirikal semata-mata (melalui deria dan eksperimen)	Wahyu + Akal + Adab + Pengalaman (tajribah)
Kedudukan Agama dalam Ilmu	Dipisahkan daripada ilmu dan fakta sejarah	Menyatu dalam seluruh aspek ilmu dan makna sejarah
Nilai Objek/Artifak	Objek sebagai entiti bebas: dikaji dari sudut bentuk & fungsi	Objek sebagai amanah dan saksi kepada sejarah ketuhanan

Naratif dan Tafsiran Sejarah	Fokus pada kronologi, fungsi material dan estetika	Fokus pada ubudiyyah, akhlak sejarah, dan maqasid syariah
Matlamat Pameran	Maklumat, hiburan, visualisasi budaya	Tazkiyyah (penyucian), adab, pendidikan ruhani
Etika Kurasi	Objektif, neutral, bebas nilai (value-free)	Beradab, bertanggungjawab, berasaskan amanah dan tauhid
Fungsi Muzium	Tempat penyimpanan dan pameran artifak	Institusi pemeliharaan ilmu, dakwah, dan pemulihan makna

Penjelasan

- Cartesian Dualism: Menjadikan jasad dan roh sebagai dua entiti berasingan. Hal ini menyebabkan dimensi rohani artifak (misalnya al-Qur'an, makam wali, seni kaligrafi) tidak diberikan makna dalam kuratorial moden.
- Positivisme: Menolak wahyu sebagai sumber ilmu dan hanya mengiktiraf ilmu yang boleh diuji secara eksperimen. Ini menyebabkan nilai sakral atau spiritual dalam sejarah Islam dianggap *tidak saintifik*.

Sebaliknya, tauhid menyatukan antara ilmu dan iman. Dalam Islam, semua ilmu membawa kepada makrifatullah, dan warisan sejarah bukan sekadar warisan budaya, tetapi *amanah* yang menghubungkan manusia kepada Allah.

Pendekatan kuratorial berteraskan Islam harus menolak dualisme dan positivisme Barat. Ia perlu dibangunkan berdasarkan epistemologi tauhid yang menyatukan antara maklumat dan hikmah, sejarah dan ubudiyyah, serta antara objek dan makna ketuhanan.

3. KONSEP TAUHID SEBAGAI ASAS EPISTEMOLOGI KURATORIAL ISLAM

Tauhid, sebagai intipati akidah Islam, bukan sahaja menjadi dasar kepercayaan tetapi juga membentuk kerangka epistemologi (teori ilmu) dan aksiologi (sistem nilai) umat Islam. Dalam konteks kuratorial, prinsip tauhid tidak boleh dipisahkan daripada cara kita memahami, menilai, dan menguruskan artifak, manuskrip, atau naratif sejarah. Ini berbeza secara radikal daripada pendekatan kuratorial Barat yang dibentuk oleh falsafah sekular, dualisme Cartesian, dan positivisme saintifik yang memisahkan ilmu daripada nilai spiritual dan wahyu (Nasr, 1993; Al-Attas, 1993).

3.1 Tauhid dan Penolakan Dualisme Sekular

Dualisme Cartesian yang dipelopori oleh René Descartes (1596–1650) memperkenalkan pemisahan antara tubuh dan roh (*res extensa* vs *res cogitans*), lalu meletakkan asas kepada pengasingan antara yang fizikal (empirik) dan yang spiritual dalam bidang ilmu moden (Descartes, 1996). Dalam dunia kuratorial, ini membawa kepada pendekatan yang melihat objek hanya dari aspek fizikal, artistik atau antropologi, tanpa mengiktiraf dimensi metafizik atau ruhani.

Sementara itu, positivisme yang diasaskan oleh Auguste Comte menolak semua bentuk ilmu yang tidak boleh dibuktikan secara empirik. Ilmu dianggap sah hanya jika dapat diuji secara deria dan eksperimen (Comte, 1975). Maka, warisan Islam seperti kaligrafi al-Qur'an, relik ulama, atau seni bina masjid sering didekati sebagai data fizikal semata-mata.

Katakanlah: Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku adalah kerana Allah, Tuhan sekalian alam. (Surah al-An'ām, 6:162)

Sebaliknya, tauhid menolak pemisahan ini dan menyatukan semua aspek kehidupan; akal, jasad, ruh, budaya, dan ilmu dalam satu matlamat: pengabdian kepada Allah. Maka, epistemologi Islam adalah holistik, tauhidik, dan teleologikal (bertujuan akhirat).

3.2 Tauhid sebagai Kerangka Ilmu: Wahyu, Akal, dan Adab

Dalam Islam, sumber ilmu terdiri daripada:

1. Wahyu (al-Qur'an dan Sunnah) sebagai sumber tertinggi dan mutlak.
2. Akal yang sejahtera sebagai alat tafsiran (*ta'aqqul*).
3. Adab sebagai mekanisme pengawalan moral dan spiritual terhadap ilmu.

Hujahnya adalah;

- *Allah mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya. (Surah al-'Alaq, 96:5)*
- *Dan Kami turunkan kepadamu al-Dhikr agar engkau menjelaskan kepada mereka apa yang mereka perselisihkan.” (Surah al-Nahl, 16:64)*

Pandangan ini ditegaskan oleh Imam al-Ghazālī yang menyatakan bahawa ilmu yang tidak membawa kepada pengenalan dan ketundukan kepada Allah adalah ilmu yang tidak bermanfaat (*'ilm lā yanfa'*) (al-Ghazālī, 2005). Begitu juga al-Shātībī menekankan bahawa ilmu mesti membawa kepada *tahqīq maqāṣid al-sharī'ah*, bukan semata-mata untuk keseronokan intelek (al-Shātībī, 2005).

3.3 Tauhid dan Amanah Keilmuan dalam Kurasi

Tauhid melahirkan kesedaran amanah terhadap ilmu dan warisan. Kurator dalam sistem Islam bukan sekadar pengurus artifak, tetapi *khalifah* ilmu dan saksi kebenaran sejarah. Pemilihan objek, kaedah dokumentasi, serta naratif pameran harus berpaksikan prinsip amanah (*amānah*), keadilan (*'adl*), dan ketundukan kepada Allah (*taqwā*).

Sesungguhnya Kami telah kemukakan amanah kepada langit dan bumi serta gunung-ganang, lalu semuanya enggan memikulnya... maka manusia memikulnya. (Surah al-Ahzāb, 33:72)

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya. (Surah al-Nisā', 4:58)

Justeru, kurator Islamik tidak boleh memanipulasi naratif sejarah demi kepentingan politik, sekularisasi, atau orientalisme. Setiap pameran mesti bersifat benar, adil, dan beradab.

3.4 Tauhid dan Sistem Adab Ilmu dalam Tradisi Islam

Tauhid juga melahirkan sistem adab ilmu, iaitu pendekatan terhadap ilmu yang disertai niat ikhlas, akhlak mulia, dan penghormatan terhadap sumber dan tokohnya. Syed Muhammad Naquib al-Attas menekankan bahawa masalah utama dalam peradaban moden adalah hilangnya adab (*loss of adab*) dalam pengurusan ilmu dan warisan (Al-Attas, 1993).

Adab dalam kuratorial termasuklah:

- Tidak mempamerkan objek atau jasad secara mengaibkan.
- Tidak memanipulasi fakta sejarah atau menyembunyikan hakikat.
- Memberikan konteks ruhani kepada artifak Islam seperti mushaf, alat ibadah, atau tinggalan ulama.

Ilmu itu adalah cahaya, dan cahaya Allah tidak diberikan kepada pelaku maksiat. (Imam Mālik, dinukil oleh Ibn Qayyim)

Konsep tauhid sebagai asas epistemologi kuratorial Islam menolak semua bentuk ilmu dan pendekatan yang memisahkan ilmu daripada Penciptanya. Ia menuntut kurator Muslim untuk mengembalikan warisan kepada kedudukan asalnya sebagai amanah, bukti tauhid, dan sumber tazkiyah. Sistem kuratorial yang berasaskan tauhid bukan sekadar ilmiah, tetapi juga merupakan ibadah yang mendekatkan manusia kepada Tuhan.

4. PRINSIP TAUHID DALAM PENGURUSAN OBJEK DAN ARTIFAK

Dalam sistem kuratorial Islam, pengurusan objek dan artifak bukanlah tindakan pentadbiran neutral semata-mata, tetapi suatu perbuatan berasaskan adab dan amanah tauhidik. Prinsip tauhid menuntut agar setiap objek yang dipilih, dikaji, disimpan atau dipamerkan difahami sebagai tanda (āyah) ciptaan Allah, saksi kepada sejarah ubudiyah umat Islam, dan amanah ilmu yang tidak boleh dimanipulasi atau dieksploitasi.

4.1 Objek sebagai Amanah Ilmu, Bukan Objek Kuasa atau Kemegahan

Prinsip tauhid mengajar bahawa manusia adalah *khalīfah* Allah di muka bumi (al-Qur'an, 2:30), dan segala sesuatu yang dimiliki hanyalah dalam bentuk pinjaman amanah (*amānah mu'aqqatah*). Maka, artifak atau tinggalan sejarah bukan milik mutlak institusi muzium atau negara, tetapi hak umat yang mesti dijaga dengan penuh adab dan tanggungjawab.

Sesungguhnya Kami telah kemukakan amanah kepada langit dan bumi serta gunung-ganang... lalu manusia memikulnya. (Surah al-Ahzāb, 33:72)

Oleh itu, objek tidak boleh:

- Dipamerkan dengan niat memuliakan ketokohan manusia secara berlebihan,
- Dijadikan bahan pameran yang mengandungi unsur *ghuluw* (melampaui batas) terhadap sejarah atau peninggalan,
- Dijadikan komoditi hiburan yang merendahkan nilai ilmu dan adab terhadap sejarah Islam.

4.2 Penolakan terhadap Unsur Syirik, Tahayul dan Pembohongan Sejarah

Dalam tradisi tauhid, Islam sangat menolak sebarang bentuk syirik atau penghormatan yang berlebihan terhadap makhluk. Ini termasuklah dalam konteks pengurusan artifak, seperti:

- Pemaparan objek dalam bentuk pemujaan (cultic displays),
- Menggambarkan artifak sebagai mempunyai *kuasa keramat* tanpa sandaran ilmu,
- Menyebarkan naratif palsu atau romantik tentang objek sejarah yang tiada asas dalam nas atau sejarah sahih.

Mereka yang kamu sembah selain daripada Allah hanyalah makhluk seperti kamu... (Surah al-A'raf, 7:194)

Hadis: *Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia termasuk dalam kalangan mereka. (Abu Dawud, No. 4031)*

Sebaliknya, Islam mengajar bahawa objek hanyalah alat untuk menyampaikan ilmu dan makna tauhid kepada manusia. Sebagaimana Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim menolak kultus terhadap peninggalan sahabat, sistem kuratorial Islam harus memastikan artifak tidak diperlakukan seperti *berhala ilmiah*.

4.3 Objektif Pameran: Tazkiyyah, Dakwah dan Ibrah

Pameran kuratorial Islamik mestilah berpaksikan prinsip *tazkiyyah* (penyucian jiwa), *dakwah* (menyampaikan mesej Islam), dan *'ibrah* (pengajaran sejarah). Artifak bersejarah seperti mushaf tua, senjata mujahid, alat astronomi Islam, atau tinggalan ulama bukan sekadar perlu diperkenalkan secara kronologi dan teknikal, tetapi juga:

1. Dihubungkan dengan nilai ketauhidan, keilmuan dan perjuangan Islam,
2. Dipersembahkan dengan naratif yang membawa pengunjung mengenal sejarah sebagai amanah, bukan sebagai glamor atau kuasa.

Hal ini dijelaskan dengan cukup tuntas oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993), *ilmu dalam Islam ialah penyampaian makna yang benar, disertai adab, yang membawa kepada pengenalan kepada Allah dan kejayaan hidup*.

4.4 Kaedah Penyelenggaraan Objek secara Adab dan Bersih Syariah

Tauhid juga menuntut pengendalian objek dengan penuh adab fizikal dan spiritual:

1. Tidak menyentuh manuskrip al-Qur'an tanpa wudhu' (jika asli),
2. Menjaga tempat penyimpanan dengan hormat dan bersih (*tahārah*),
3. Tidak menggunakan objek atau jasad mayat untuk tarikan komersial tanpa izin waris dan justifikasi maqāṣid syar'iiyah,
4. Mengelakkan penggunaan replika yang memalsukan realiti sejarah.

Dan janganlah kamu mendekati perkara-perkara yang keji, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. (Surah al-An'ām, 6:151)

Al-Ghazālī dalam *Ihyā'* menekankan bahawa ilmu dan segala alatnya (termasuk objek warisan) mesti membawa kepada tazkiyah, bukan *riya'*, takabbur atau syubhah.

Prinsip tauhid dalam pengurusan objek dan artifak menuntut adab yang tinggi terhadap makna sejarah, keikhlasan dalam penyampaian ilmu, serta ketegasan dalam menolak sebarang bentuk syirik, tahyul atau manipulasi. Kurator Islam bukan sekadar arkivis atau pakar teknikal, tetapi penjaga amanah ilmu dan sejarah, yang bekerja di bawah kesedaran ubūdiyyah kepada Allah.

5. TAUHID DALAM PEMBENTUKAN NARATIF KURATORIAL

Naratif kuratorial bukan sekadar penyampaian maklumat sejarah, tetapi adalah proses pembentukan makna yang sangat berpengaruh dalam pembentukan pemikiran awam terhadap tamadun, agama, dan identiti. Dalam tradisi Barat sekular, naratif muzium sering dibentuk berdasarkan perspektif kronologi, etnosentrisme, atau ideologi kebangsaan. Sebaliknya, dalam sistem kuratorial Islam, naratif mesti tunduk kepada prinsip *tauhid* iaitu penyampaian makna yang membawa manusia kepada pengenalan terhadap Allah, nilai ubūdiyyah, dan penghayatan maqasid syariah.

5.1 Tauhid sebagai Penapis dan Pengarah Makna Sejarah

Tauhid mengarahkan agar segala naratif yang dibina berfungsi untuk menzahirkan keesaan Allah dalam sejarah dan warisan umat. Sejarah tidak dibentangkan sebagai rentetan kuasa, konflik atau dominasi manusia semata-mata, tetapi sebagai kisah ubūdiyyah dan tanggungjawab khalifah terhadap bumi dan ilmu.

Tidakkah mereka mengembara di muka bumi, lalu melihat bagaimana kesudahan umat-umat terdahulu? Mereka lebih kuat daripada kamu...(Surah Ghāfir, 40:82)

Demi masa! Sesungguhnya manusia dalam kerugian, kecuali mereka yang beriman, beramal soleh, dan berpesan-pesan dengan kebenaran. (Surah al-'Aṣr, 103:1-3)

Naratif dalam kuratorial Islam perlu:

1. Menyampaikan peristiwa sejarah sebagai ibrah (pengajaran),
2. Menekankan bahawa segala kejayaan, keilmuan dan seni Islam adalah hasil hubungan manusia dengan wahyu dan ketundukan kepada Ilahi,
3. Menolak glorifikasi ketokohan tanpa adab, atau pemujaan terhadap simbol-simbol kuasa material.

5.2 Menolak Naratif Sekular, Orientalis dan Romantik

Sebahagian besar pameran berkaitan Islam di Barat dibina atas kerangka naratif sekular atau orientalis yang menampilkan sejarah Islam sebagai:

1. Perkembangan kebendaan dan ketenteraan semata-mata,
2. Budaya eksotik atau mistik Timur (Said, 1978),
3. Tamadun yang terhenti dan tidak rasional berbanding dengan Barat moden (Asad, 1993).

Hal ini dijelaskan oleh Allah; *Mereka hanya mengetahui yang zahir dari kehidupan dunia, sedang mereka lalai tentang akhirat. (Surah al-Rūm, 30:7)*

Dalam sistem kuratorial Islam, Naratif seperti ini mesti disusun semula untuk mengembalikan hubungan sejarah dengan wahyu, bukan sekadar budaya. Kurator juga perlu menyaring unsur tasyabbuh (peniruan budaya asing tanpa asas) dan taswīq (manipulasi sejarah untuk promosi politik/komersial).

5.3 Naratif Berasaskan Maqasid: Hifz al-Dīn dan Hifz al-‘Aql

Naratif Islam mesti disusun berasaskan maqasid al-shariah, khususnya:

- Hifz al-Dīn (pemeliharaan agama): Menyampaikan sejarah sebagai alat memperkukuh iman, bukan meragukan keaslian Islam.
- Hifz al-‘Aql (pemeliharaan akal): Menghindari penyampaian naratif palsu, spekulatif, atau penuh mitos tanpa sandaran ilmu.

Sebagai contoh:

- Pameran manuskrip ulama seperti Imam al-Nawawī harus menekankan warisan ilmunya, bukan sekadar keunikan kaligrafi atau kertas.
- Naratif sejarah kerajaan Islam perlu disampaikan sebagai kesinambungan risalah, bukan sekadar kejayaan politik.

Pandangan ini diperkukuhkan oleh al-Shāṭibī dalam *al-Muwāfaqāt*, yang menegaskan bahawa setiap ilmu dan dokumen sejarah mesti membawa kepada *tahqīq maqāsid al-sharī‘ah*, bukan kesan retorik semata-mata (al-Shāṭibī, 2005).

5.4 Naratif sebagai Jalan Dakwah dan Pemulihan Makna

Konsep *tauhid* menuntut agar naratif muzium menjadi jalan dakwah, bukan sekadar sumber hiburan atau pendidikan sekular. Setiap kisah sejarah atau artifak mesti membawa pengunjung mendekat kepada Allah, memahami hikmah sejarah, dan memperbaiki cara fikir terhadap warisan Islam.

Sebagaimana yang digariskan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas, ilmu yang benar ialah yang menempatkan sesuatu pada tempatnya yang sebenar (*putting things in their proper places*) inilah fungsi utama naratif tauhidik (Al-Attas, 1993).

Contoh pendekatan naratif tauhidik:

- Pameran perjuangan Dato' Bahaman bukan sekadar kisah nasionalisme, tetapi juga jihad mempertahankan agama dan maruah Islam.
- Naratif sejarah masjid lama bukan sekadar tentang seni bina, tetapi sebagai simbol tauhid dan institusi penyebaran ilmu.

Naratif kuratorial Islam tidak boleh bersifat neutral atau sekular semata-mata. Ia mesti dibina atas asas tauhid yang menjadikan sejarah sebagai jalan mengenal Allah, memperkukuh akidah, dan menghubungkan umat kepada sumber wahyu dan hikmah. Kurator bukan sekadar pencerita, tetapi penyampai amanah ilmu dan penanggungjawab makna.

6. TAUHID DAN ETIKA ADAB DALAM PAMERAN DAN TEKNOLOGI

Teknologi dan visualisasi dalam muzium kontemporari menjadi alat penting dalam mempersembahkan sejarah dan artifak secara menarik dan interaktif. Namun, dalam kerangka Islam, penggunaan teknologi dan teknik pameran tidak bebas nilai. Ia mesti ditundukkan kepada prinsip *tauhid* dan *adab*, agar tidak melampaui batas,

tidak memanipulasi sejarah, dan tidak mendorong kepada syirik, riya' atau hiburan berlebihan.

6.1 Etika Pameran dalam Perspektif Tauhid

Pameran ialah ruang awam yang memainkan peranan epistemic; ia membentuk pemikiran, emosi, dan persepsi pengunjung terhadap ilmu dan sejarah. Dalam sistem kuratorial tauhidik, pameran mesti:

- Menjaga kesucian dan adab terhadap artifak sakral (seperti mushaf al-Qur'an, sejadah ulama, tinggalan wali),
- Tidak menjadikan artifak sebagai objek hiburan, bahan komersial, atau simbol kemegahan,
- Tidak menampilkan tokoh-tokoh dengan unsur *ghuluw* (pemuliaan melampau).

Hal ini dijelaskan oleh Allah; *Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai ilmu tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati semuanya akan dipertanggungjawabkan. (Surah al-Isra', 17:36)*

Sesungguhnya yang paling mulia di sisi Allah ialah yang paling bertaqwa di antara kamu (Surah al-Hujurat, 49:13)

Contoh adab pameran tauhidik antaranya adalah tidak mempamerkan mayat atau kerangka manusia Islam tanpa keperluan ilmiah dan adab syariah, juga meletakkan mushaf al-Qur'an di tempat tinggi, dengan pencahayaan yang bersih dan tanpa sebarang muzik latar yang mengganggu kekhusyukan.

6.2 Penolakan Unsur Visual yang Berlebihan, Eksploitatif atau Sensasional

Salah satu cabaran utama dalam teknologi pameran moden ialah kecenderungan ke arah hipervisualisasi iaitu penggunaan cahaya, suara, gerakan dan grafik untuk tujuan mencuri perhatian pengunjung. Dalam kerangka Islam, pameran tidak boleh bersifat *tabarruj* (menarik perhatian berlebihan), *tasywiq* (mengarut) atau *tajrih* (menghina).

Buktinya ayat Quran; *Wahai anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah setiap kali kamu ke masjid, dan makan serta minumlah, tetapi jangan berlebihan. (Surah al-A'raf, 7:31)*

Larangan dalam pameran berasaskan tauhid antaranya:

- Penggunaan VR/AR yang mempermainkan sejarah suci atau simbol Islam (contoh: penggambaran nabi, para sahabat).
- Paparan jasad dengan latar bunyi dramatik yang memanipulasi emosi (seperti efek horor, muzik sedih tanpa konteks ibrah).
- Tayangan filem atau interaktif yang memutarbelit makna jihad, syariah atau adab ulama.

Sebaliknya, pendekatan minimalis, bersih, beradab dan mendidik lebih sesuai dalam konteks pameran tauhidik.

6.3 Teknologi Sebagai Alat Dakwah dan Pendidikan

Teknologi dibenarkan dalam Islam selagi ia menjadi alat kepada matlamat maqasid, bukan matlamat itu sendiri. Dalam kerangka pameran Islamik, teknologi seperti QR code, AR/VR, dan audio guide digunakan untuk menyampaikan nilai, sejarah dan pengajaran Islam. Pameran maya juga dibina dengan niat untuk menyebarkan dakwah secara *rahmatan lil 'ālamīn*, bukan komersialisasi agama. Buktinya, sepotong hadis yang berbunyi: *Sampaikanlah dariku walaupun satu ayat. (Hadis Sahih Bukhari)*

Antara contoh penggunaan teknologi beretika:

- QR code yang membawa pengunjung kepada bacaan tafsir al-Qur'an berkaitan objek pameran.
- VR pengalaman perjalanan haji yang menjelaskan nilai tauhid, bukan sekadar perjalanan geografi.

Seperti yang ditegaskan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993), teknologi tidak neutral ia mewarisi falsafah peradaban yang membangunkannya. Maka, teknologi mesti *diislamisasikan* dari segi tujuan, bentuk dan konteks penggunaannya agar selari dengan nilai tauhid.

6.4 Pengendalian Gambar dan Representasi Manusia dalam Islam

Salah satu isu sensitif dalam pameran ialah penggunaan gambar manusia, patung atau perwakilan tokoh. Dalam tradisi Islam, larangan terhadap lukisan makhluk bernyawa terutama dalam bentuk yang boleh mendatangkan fitnah atau pemujaan, sangat jelas.

Terdapat hadis yang menjadi buktinya iaitu : *Sesungguhnya orang yang paling berat azabnya pada Hari Kiamat ialah orang yang membuat gambar. (Sahih Bukhari, No. 5954)*

Meskipun dalam konteks pendidikan, representasi tokoh sejarah dibenarkan dengan syarat (1) tidak membawa kepada penghinaan atau pemuliaan berlebihan, (2) tidak memvisualkan Nabi Muhammad ﷺ atau para sahabat secara fizikal, dan (3) tidak menjadikan imej sebagai bahan lawak, jenaka atau sindiran.

Tauhid dan adab dalam pameran dan teknologi menuntut agar setiap aspek visual, audio dan interaktif muzium tunduk kepada nilai amanah, kesucian dan maqasid. Teknologi hanyalah alat. Nilai yang menentukan keberkatannya ialah tujuan penggunaannya. Dalam kuratorial Islam, pameran bukan ruang seni bebas, tetapi wadah dakwah, ibrah dan penyucian ilmu.

7. MODEL KURATORIAL BERTERASKAN TAUHID

Pembentukan sistem kuratorial Islam memerlukan satu model operasional yang berpaksikan konsep tauhid iaitu pengesaan Allah dalam seluruh proses pengurusan ilmu, objek, naratif, dan pameran. Model ini bukan sahaja membetulkan kedudukan epistemologi warisan Islam, tetapi juga mengatur semula nilai-nilai kuratorial agar sejajar dengan maqasid syariah dan adab Islam.

Model kuratorial tauhidik bukan semata-mata alternatif teknikal kepada sistem Barat, tetapi merupakan transformasi paradigma yang menyatukan antara ibadah, ilmu, sejarah dan pengurusan warisan. Ia mencerminkan prinsip

rububiyyah (ketuhanan), *ubudiyyah* (penghambaan), *‘ilm* (ilmu), *amānah* (tanggungjawab), dan *‘adl* (keadilan) dalam seluruh fasa kerja kuratorial.

7.1 Asas Model: Prinsip dan Nilai Tauhidik

Model kuratorial berteraskan tauhid dibina atas lima asas berikut:

ASAS TAUHIDIK	PENJELASAN KURATORIAL
1. Rububiyyah	Allah sebagai Pemilik mutlak ilmu, objek, sejarah. Kurator hanya pemegang amanah.
2. Ubudiyyah	Segala tindakan kuratorial adalah ibadah. Setiap proses mesti tunduk pada syariat.
3. ‘Ilm	Ilmu mesti bersumberkan wahyu, akal sejahtera dan tradisi ulama.
4. Amānah	Objek sejarah adalah titipan – bukan hak mutlak institusi atau individu.
5. ‘Adl	Keadilan dalam mewakili sejarah, tidak memanipulasi atau menyeleweng makna.

7.2 Struktur Kerja Model Kuratorial Tauhidik

Model ini merangkumi empat komponen utama dalam kerja kuratorial pula dapat disenaraikan seperti berikut:

KOMPONEN KURATORIAL	PANDUAN TAUHIDIK
1. Pemilihan Objek	Pilih objek yang membawa nilai ilmu, tidak bertentangan dengan akidah. Hindari objek yang disucikan secara syirik atau dimanipulasi untuk agenda sekular atau politik.
2. Penyelidikan & Dokumentasi	Gunakan pendekatan <i>tahqīq</i> dan sanad ilmu. Sumber mesti sahih. Hormati sumber lisan & ulama tempatan.
3. Pembentukan Naratif	Naratif berasaskan maqasid: mendidik, menyucikan makna, memperkukuh iman. Tolak glorifikasi material & mitos palsu.
4. Reka Bentuk & Teknologi Pameran	Gunakan teknologi secara beradab, tidak hiper-visual, tidak menjatuhkan maruah Islam atau sejarahnya.

7.3 Matlamat Model Kuratorial Tauhidik

Matlamat model ini adalah untuk memastikan bahawa pengurusan warisan dalam muzium Islam menyampaikan ilmu yang benar (al-‘ilm al-ṣaḥīḥ), memelihara maqasid al-shariah, khususnya: *Hifz al-Dīn* (memelihara agama), *Hifz al-‘Aql* (memelihara akal daripada maklumat palsu), *Hifz al-Tārīkh* (memelihara sejarah dari penyelewengan), menghidupkan fungsi dakwah muzium dari ‘maklumat’ kepada ‘ibrah’ kepada ‘tazkiyyah’ dan akhir sekali kepada ‘iman’ seperti yang dijelaskan Allah SWT:

Dan Kami tidak menciptakan langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya melainkan dengan tujuan yang benar. (Surah al-Hijr, 15:85)

7.4 Perbandingan Model Barat vs Model Tauhidik

Perbandingan Model Barat berbanding Model Tauhidik dapat dilihat melalui jadual berikut:

Jadual 2 Perbandingan Model Barat vs Model Tauhidik

ASPEK	MODEL BARAT (SEKULAR)	MODEL ISLAM (TAUHIDIK)
Asas Falsafah	Sekular, empirik, etnosentrik	Tauhid, maqasid, adab
Objek	Nilai estetik, arkeologi, kronologi	Amanah ilmu, saksi ubudiyyah
Naratif	Kronologi, nasionalisme, hiburan	Ibrah, maqasid, tauhid, sejarah risalah
Teknologi	Visual dominan, kesan dramatik, hiburan	Bersih, mendidik, dakwah
Tujuan Akhir	Pengetahuan bebas nilai, hiburan	Penyucian ilmu, kesedaran tauhid, amal soleh

8. KESIMPULAN

Artikel ini telah mengemukakan hujahan bahawa konsep tauhid bukan hanya bersifat teologi, tetapi merupakan asas epistemologi, etika, dan metodologi dalam pembangunan sistem kuratorial Islam yang bersepadu. Dengan menolak kerangka sekular Barat seperti falsafah Cartesian dan positivisme, pendekatan tauhidik membawa kembali dimensi ruhani, tanggungjawab amanah, serta adab dalam setiap aspek kerja kuratorial daripada pemilihan objek, dokumentasi, naratif hingga ke pameran dan penggunaan teknologi.

Model kuratorial tauhidik mengangkat fungsi muzium sebagai wadah dakwah, tazkiyyah, dan ibrah, bukan semata-mata tempat hiburan atau penyimpanan sejarah. Ia memerlukan kesedaran akidah, panduan maqasid syariah, dan adab warisan, serta meletakkan kurator sebagai khalifah ilmu yang memikul amanah besar dalam membentuk kesedaran ummah melalui warisan peradaban Islam.

RUJUKAN

- Al-Attas, S. M. N. (1993). *Islam and Secularism*. ISTAC.
- Al-Qur'an al-Karim.
- Al-Shatibi, I. (2005). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Asad, T. (1993). *Genealogies of Religion: Discipline and Reasons of Power in Christianity and Islam*. Johns Hopkins University Press.

- Comte, A. (1975). *The Positive Philosophy* (H. Martineau, Trans.). AMS Press. (Original work published 1853)
- Descartes, R. (1996). *Meditations on First Philosophy* (J. Cottingham, Trans.). Cambridge University Press. (Original work published 1641)
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (2003). *Madarij al-Salikin*. Dar al-Fikr.
- Nasr, S. H. (1993). *The Need for a Sacred Science*. SUNY Press.
- Said, E. W. (1978). *Orientalism*. Pantheon Books.
- Sahih Bukhari. (n.d.). *Kitab al-Libas*, Hadith No. 5954.
- Sunan Abi Dawud. (n.d.). Hadith No. 4031.
- Al-Ghazali. (2005). *Ihya' 'Ulum al-Din* (Vol. 1–4). Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.